



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**30 Januari 2023  
08 Rejab 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Ternak 60,000 ikan
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star (Starmetro)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•



UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	5	30.01.2023



MUHAMMAD Kamarulzaman (kanan) dan Mohamad menunjukkan antara ikan yang ada di sangkar yang diusahakan mereka di Kampung Tasek Bendang Guchil, Rantau Panjang.

# Ternak 60,000 ikan

Pemegang sarjana muda tak kisah dilabel buat 'kerja kampung'

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

## Rantau Panjang

Meskipun pekerjaan yang dilakukan jauh berbeza dengan kelulusan pengajiannya sebelum ini namun Muhammad Kamarulzaman Mat Asid, 29, membuktikan bahawa bidang penternakan serta pertanian juga mampu memberi pendapatan lumayan.

Muhammad Kamarulzaman adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang kini menernak hampir 60,000 ikan pelbagai jenis di dalam 30 sangkar sejak 2018.

Katanya, minatnya yang menda-



Setiap hari saya akan turun ke sangkar yang dibina di sungai berdekatan rumah"

Muhammad Kamarulzaman

lam dalam bidang penternakan mendorongnya untuk mengusahakan ikan sangkar seperti talapia, patin serta keli selain turut menjalankan tanaman fertigasi timun, terung dan lada.

"Alhamdulillah,

lillah, walaupun ada sahaja cabaran untuk menjadi penternak atau petani, tetapi saya tetap bertahan sehingga hari ini, malah mampu memperoleh pendapatan setiap bulan. Mungkin ada yang memandang kerjaya saya sekarang sekadar 'kerja kampung' namun saya gembira melakukannya.

"Setiap hari saya akan turun ke sangkar yang dibina di sungai berdekatan rumah dengan dibantu saudara, Mohamad Abd Noh, 47, untuk memberi makan ikan atau menangkapnya sebelum dijual kepada pemborong atau orang kampung.

"Walaupun saya tidak belajar secara mendalam untuk menternak atau bertani, tetapi hasil tunjuk ajar arwah ayah serta melalui sendiri pengalaman selok belok pekerjaan ini membuatkan saya semakin mahir," katanya ketika ditemui di tapak sangkar ikan miliknya di Kampung Bendang Gu-

chil di sini.

Dia yang juga anak keenam daripada lapan adik beradik, berkata dalam kesibukan menguruskan ikan sangkar dia turut berbudu pada tanah seluas 0.2 hektar dengan membuat tanaman fertigasi pada masa terluang.

Muhammad Kamarulzaman berkata, dia juga berhadapan cabaran dalam mengusahakan ternakan ikan sangkar termasuk mengalami kerugian puluhan ribu ringgit terutama ketika musim banjir.

"Tetapi, saya anggap itu sebagai dugaan dan Alhamdulillah, saya dapat mengatasinya dengan baik. Pengalaman ini mematangkan saya untuk menjadi lebih baik.

"Saya sendiri berharap dapat terus mengembangkan perusahaannya dengan menjadi pembekal ikan sangkar di seluruh negara.

"Nasihat saya pada anak muda lain adalah jangan takut mencuba jika anda juga berminat dalam bidang pertanian atau penternakan. Percayalah, jika kerja dilakukan dengan bersungguh-sungguh, anda pasti akan mendapat hasil yang lumayan dan tidak terjagka.

"Saya tidak sesekali menyesal kerana berkerja dalam bidang yang jauh berbeza daripada kelulusan malah menganggap ijazah yang diperoleh sebagai batu loncatan untuk terus berjaya," katanya.



MUHAMMAD Kamarulzaman menunjukkan ikan sangkar yang dternakannya di Kampung Bendang Guchil, Rantau Panjang.